

# Model memba

u.m m/s 10 31.3.07

Oleh AZLINARIAH ABDULLAH  
(WARTAWAN UTUSAN)

**KITA** barangkali bersetuju bahawa apabila adanya ceramah atau berlangsung persidangan mengenai isu rasuah, khalayak atau peminatnya tidak ramai. Tidak ramai di sini bermaksud, dewan ceramah tidak penuh atau sesak sebagaimana jika isu-isu sosial diperbincangkan dan menjadi perdebatan.

Tanpa mahu merendahkan isu-isu lain, hal rasuah sepatutnya mendapat lebih perhatian kerana pertamanya perkembangan rasuah itu sendiri mengancam kestabilan dan keamanan masyarakat nasional dan antarabangsa. Kedua-dua, rasuah itu melemahkan institusi dan nilai-nilai demokrasi serta keadilan selain membahayakan pembangunan, apalagi jika dikaitkan dengan hukuman atau undang-undang.

Peter Eigen, pengasas *Transparency International* dari Jerman berpandangan bahawa pada batas tertentu, rasuah atau korupsi ini tidak sahaja mengancam kehidupan, hak asasi manusia, amalan-amalan demokrasi tetapi lebih parah ialah ia menghambat pembangunan dan menjadikan berjuta-juta manusia di dunia ini jatuh miskin.

Hal persidangan rasuah tidak mempunyai ramai peminat ini turut dibangkitkan oleh perantara satu ceramah umum mengenai isu terbabit yang diadakan di Fakulti Ekonomi di Universiti Malaya (UM) baru-baru ini.

Melihat dewan yang masih banyak tidak diisi walaupun ceramah hampir bermula, perantara, Datuk Mohd. Annuar Zaini berkata, keadaan itu boleh sahaja dibuat kesimpulan bahawa isu rasuah kurang peminatnya.

Namun beliau yang juga Pengerusi Bernama memberi perbandingan cukup bernas mengaitkan rasuah dan orang meminatinya iaitu biar kurang peminat jangan kurang upaya untuk membanterasnya.

Tetapi suka atau tidak inilah kenyataan yang harus kita terima - bukan rahsia lagi dewasa ini bahawa rasuah menjadi masalah serius di kebanyakan negara di Asia.

Dan kalau di negara Asia, mana lagi kalau bukan Indonesia yang menjadi sorotan jika bercakap hal-hal rasuah.

"Dalam sudut pandang hak asasi manusia, amalan rasuah yang meluas dan sistematik merupakan pelanggaran sosial dan ekonomi masyarakat. Justeru amalan rasuah ini tidak lagi dikategorikan sebagai jenayah biasa bahkan kejahatan luar biasa (*extra ordinary crime*)," kata Profesor Saldi Isra dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Andalas, Padang, Sumatera Barat pada ceramah umum itu yang bertajuk Menangani Korupsi Model Percontohan Dari Sumatera Barat.

Ceramah umum anjuran Institut Dasar Awam dan Pengurusan Awam (Impuma) itu turut dihadiri oleh Tan Sri Arshad Ayub, yang baru-baru ini menerima Anugerah Mutiara Budi daripada Kementerian Kewangan; ahli-ahli ekonomi, tokoh akademik dan mahasiswa.

Amalan rasuah begitu meluas di Indonesia.

Itu adalah kenyataannya. Tanyalah sesiapa sahaja, pasti ada pengalaman mengenai rasuah dan amalannya di Indonesia. Ia pula berlaku di mana-mana, di pelbagai peringkat pekerjaan dan pentadbiran. Begitu parah sehingga ada yang menganggap amalan itu adalah lumrah. Lantas, keadaan itu tidak mustahil menempatkan Indonesia sejak tiga tahun lalu oleh badan yang memantau hal-hal rasuah iaitu Political and Risk Consultancy (PERC) sebagai juara korupsi di Asia.

Lebih parah, *Transparency International* pula tanpa ketinggalan selalu menempatkan Indonesia sebagai salah sebuah negara paling korup di dunia.

Begitu teruk situasi amalan rasuah di Indonesia sehingga menimbulkan pertanyaan, tidak adakah usaha untuk mengurangkan sedikit kes-kes rasuah, sekali gus membuka jalan untuk badan seperti *Transparency International* tidak lagi menempatkan Indonesia di kedudukan pertama.

Prof. Isra berkata, usaha membanteras rasuah di Indonesia bukan tidak ada, bahkan ia sebenarnya bukan perkara baru.

"Tetapi gerakan membanteras rasuah ini mengalami pengunduran sepanjang kekuasaan Orde Lama. Di era 1960-an penentangan kem kiri dan kanan semakin kuat. Yang berhaluan kiri mendapat sokongan ekonomi dan politik sehingga melenakan mereka dengan amalan rasuah.

"Lebih parah apabila kerajaan ada hak untuk mencampuri urusan keadilan di era berkenaan," katanya dengan menambah muncul sedikit harapan semasa terjadi peralihan kuasa daripada Soekarno kepada Soeharto dalam hal membanteras rasuah.

Antaranya, kata beliau ada pembentukan Pasukan Membanteras Korupsi pada tahun 1967.

Ketika Soeharto digulingkan oleh protes mahasiswa ekoran kenaikan harga bahan api, perang melawan korupsi juga menjadi semakin melonjak. Dengan kata lain, antikorupsi menjadi salah satu agenda utama di era reformasi.

Tetapi apa yang melonjakkan perubahan di seluruh Indonesia mengenai keupayaan membanteras rasuah ialah sebuah forum yang digerakkan oleh Prof. Isra sendiri.

Sambil mengakui rimas dengan kerenah birokrasi menggerakkan beliau menjadi penyelar Forum Peduli Sumatera Barat (FPSB), Prof. Saldi berkata, ia ditubuhkan pada tahun 2002 selepas melihat begitu meluas korupsi di bahagian daerah.

"Badan bukan kerajaan (NGO) yang anti-korupsi juga banyak muncul selepas Soeharto berhenti dan seiring dengan penubuhan FPSB. Antara NGO ialah Indonesia Corruption Watch (ICW; Transparansi International Indonesia (TII); FITRA, yang merupakan jaringan 23 NGO di tujuh wilayah di Indonesia; Indonesia Procurement Watch dan sebagainya."

Prof. Saldi bukan sesiapa semasa belajar di universiti tetapi beliau dikenali selepas FPSB ditubuhkan seterusnya muncul juara menentang korupsi di peringkat daerah.


# Anteras rasuah

Orang luar biasa di sini maknanya pelbagai pihak kerana rasuah itu dilakukan oleh banyak pihak, dan menanganinya juga perlu secara berjemaah (banyak pihak)



SALDI ISRA

## PELAKU RASUAH (2004)



Sumber: Indonesian Corruption Watch

FPSB yang diselaraskan beliau bertindak menyiasat banyak badan-badan kerajaan di peringkat daerah, Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) berhubung rasuah, kolusi, kroni dan nepotisme.

Suka diingatkan bahawa FPSB terdiri daripada sejumlah NGO dan aktivis, ahli akademik, tokoh adat dan agama, media massa dan tokoh media, peguam bela, pelajar, peniaga, pengusaha dan lain-lain.

Walau banyak ranjau dan halangan dalam melakukan siasatan tetapi FPSB tidak pernah berhenti daripada beralih matlamat iaitu mahu mengurangkan semaksimum mungkin kes-kes rasuah.

Antara kegiatan FPSB ialah membahas butir-butir Anggaran Pendapatan dan Belanja Daerah (APBD) dengan hasilnya itu disampaikan kepada anggota DPRD bersama desakan melakukan penambahbaikan. Ia tidak berhasil. Mereka juga bertindak menyampaikan hasil perbincangan kepada Gabenor Sumatera Barat, juga tidak berhasil.

Gagal banyak kali dalam cubaannya, FPSB bertindak melaporkan anggota DPRD wilayah Sumatera Barat kepada Mahkamah Tinggi daerah berkenaan.

Siasatan rasuah oleh FPSB ke atas DPRD mendapati bermula 2002 hingga September 2004 jumlah yang didakwa dengan kes-kes rasuah ialah seramai 504 orang di mana masing-masing 383 ialah anggota DPRD; eksekutif (16) dan swasta (5).

Hasil daripada kejayaan menyiasat kes rasuah DPRD itu, banyak pembaharuan yang dinikmati di peringkat Sumatera Barat.

Contohnya di Solok, telah dibentuk satu peraturan daerah tentang ketelusan penyelenggaraan pemerintahan dan penglibatan masyarakat.

“Dalam penyelenggaraan pemerintahan, pelaksanaan pembangunan dan kemasyarakatan ia dapat diketahui masyarakat bermula daripada perencanaan, pelaksanaan, penilaian dan pengawasan.

“Hasilnya, masyarakat memperoleh maklumat tentang banyak hal, tidak lagi ada kerena di situ. Lebih manis, Solok menjadi pelopor gerakan membanteras korupsi dalam birokrasi Indonesia; birokrasi menjadi lebih efisien; tidak ada wakil pemerintah yang dihukum kerana melakukan korupsi dan bekas Penghulu Solok berjaya dalam pilihan raya untuk menjadi Gabenor Sumatera Barat bagi penggal 2005-2010.”

Setelah melalui proses panjang, pada pertengahan Mei 2004 pengadilan di Padang menyebut bahawa 43 anggota DPRD Sumatera Barat untuk penggal 1994-2004 terbukti melakukan rasuah malahan apabila dibawa ke peringkat tinggi hukuman ke atas mereka dikenakan lebih tinggi daripada keputusan awal.

Lalu apa pengajaran penting dari-

pada apa yang berlaku pada FPSB itu.

Pertamanya ia adalah yang pertama di Indonesia. Ia turut mendorong gerakan antikorupsi di daerah-daerah lain di Indonesia dan virus antikorupsi ini merebak dari Padang.

Namun lebih penting daripada itu ialah kunci yang dianggap begini oleh Prof. Saldi: “Memandangkan banyak negara menganggap rasuah sebagai jenayah luar biasa maka langkah luar biasa juga perlu diambil untuk membasmi amalan salah itu.

“Langkah luar biasa itu hanya akan boleh berjaya jika dijayakan oleh ‘orang luar biasa’ juga.

“Orang luar biasa di sini maknanya pelbagai pihak kerana rasuah itu dilakukan oleh banyak pihak, dan menanganinya juga perlu secara berjemaah (banyak pihak).